

Mahathir jamin dasar konsisten

BUM 1 JUL 1994



KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin rakyat akan terus memilih Barisan Nasional (BN) pada setiap pilihan raya umum bagi menjamin kestabilan politik dan menentukan dasar kerajaan yang konsisten.

Menurut Perdana Menteri, kestabilan politik dan dasar yang konsisten menarik minat pelabur asing menanam modal di negara ini.

"Dasar kerajaan yang konsisten membolehkan pelabur membuat perancangan jangka panjang dan tidak perlu risau dengan pertukaran dasar berikutan pertukaran kerajaan baru.

"Tidak dapat dinafikan kejayaan Malaysia sehingga ke tahap sekarang dalam semua bidang termasuk ekonomi antaranya kerana kita mempunyai kerajaan yang sama memerintah negara ini sejak merdeka," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-23 Parti Gerakan, di sini semalam.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik, pemimpin parti komponen BN termasuk dari Sabah serta 1,200 perwakilan parti Gerakan menghadiri persidangan dua hari itu.

Dr Mahathir berkata, pertukaran kerajaan setiap kali pilihan raya bukan saja menyebabkan dasar kerajaan ditukar separuh jalan tetapi juga politik negara tidak stabil seperti berlaku di beberapa negara asing.

Menurutnya, pemilihan rakyat terhadap BN untuk membentuk kerajaan setiap kali pilihan raya umum diadakan, tidak pula bermakna Malaysia kurang demokratik.

"Malaysia adalah sebuah negara demokratik kerana rakyat mempunyai pilihan menggantikan kerajaan yang mereka tidak suka. Jika rakyat memilih parti yang sama membentuk kerajaan, ini juga adalah hak demokratik mereka," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kejayaan Malaysia mendapat perhatian beberapa negara asing yang mempunyai penduduk berbilang kaum kerana tertarik dengan bentuk parti campuran dalam BN.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mempunyai formula khas yang membawa kejayaan BN selama ini selain wujudnya persefahaman, tolak ansur, kompromi serta toleransi di kalangan pemimpin dan ahli parti komponennya.

Menurutnya, walaupun berlaku perselisihan faham dan pendapat, ia dibincang bersama dengan rasional dalam semangat kekeluargaan.

"Kita tidak heboh-hebohkan masalah dalaman kita untuk orang lain mengetahuinya," katanya.

Dr Mahathir berkata, sikap bertolak ansur dan berkompromi itu untuk kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

Mengenai pilihan raya umum, Dr Mahathir berkata, walaupun belum memikirkan tarikhnya, BN sentiasa bersedia menghadapinya pada bila-bila masa.

Menurutnya, parti pembangkang sedar mereka tidak ada isu penting untuk dieksploitasi pada pilihan raya umum kali ini tetapi itu tidak bermakna mereka tidak akan mencipta isu.